

21 MAY 2003

PAKEJ-FIC

KELONGGARAN GARIS PANDUAN FIC UTK TARIK PELABURAN ASING

KUALA LUMPUR, 21 Mei (Bernama) -- Garis panduan Jawatankuasa Pelaburan Asing (FIC) telah dikaji semula untuk memberi kelonggaran penyertaan ekuiti asing dalam syarikat tempatan bagi meningkatkan daya saing negara dalam menarik pelaburan langsung asing (FDI).

Pada masa yang sama, ianya bertujuan untuk memperkemas dan menyelaraskan proses permohonan pelaburan bagi mengelakkan pertindihan fungsi antara agensi, menurut pakej strategi baru yang diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Dengan itu, garis panduan FIC mengenai Perolehan Aset, Percantuman dan Pengambilalihan (1974) digantikan dengan garis panduan FIC bagi Perolehan Hartanah oleh Kepentingan Tempatan dan Asing serta Perolehan Kepentingan, Percantuman dan Pengambilalihan oleh Kepentingan Tempatan dan Asing.

Antaranya, hanya syarat ekuiti Bumiputera sekurang-kurangnya 30 peratus sahaja dikenakan bagi semua perolehan oleh kepentingan tempatan dan asing.

Bagi perolehan oleh kepentingan asing, baki ekuiti syarikat berkenaan boleh dipegang oleh kepentingan asing atau dipegang bersama di antara kepentingan asing dan tempatan.

Menurut pakej tersebut, syarat penyertaan Bumiputera sekurang-kurangnya 30 peratus ini hendaklah diguna pakai secara seragam oleh semua kementerian kecuali dalam keadaan di mana pengecualian telah dibuat oleh Kerajaan.

Juga, kadar threshold bagi perolehan kepentingan oleh kepentingan tempatan dan asing yang dikecualikan daripada kelulusan FIC ditingkatkan daripada RM5 juta kepada RM10 juta dengan peratusan hak mengundi dikekalkan.

Sementara itu, urusan pemprosesan cadangan perolehan syarikat pengilang yang dilesenkan, dipusatkan di Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dan cadangan korporat di Suruhanjaya Sekuriti (SC).

Cadangan-cadangan ini tidak perlu lagi dikemukakan untuk pertimbangan FIC.

Bagi syarikat-syarikat yang akan disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) pula, mereka perlu mempunyai sekurang-kurangnya 30 peratus ekuiti Bumiputera semasa penyenaian.

Di samping itu, syarat pegangan ekuiti asing dilonggarkan untuk menarik lebih banyak syarikat asing disenaraikan di BSKL selaras dengan cadangan Pelan Induk Pasaran Modal.

Pematuhan syarat ekuiti pula dipanjangkan daripada satu tahun kepada dua tahun bagi kelulusan pertama dan boleh dilanjutkan setiap tahun.

Bagi syarikat yang membuat pelaburan besar dan berisiko tinggi, tempoh pematuan syarat ekuiti dilonggarkan dan dikenakan berdasarkan kepada aliran tunai syarikat.

Bagi syarikat yang mengalami kerugian dan terlibat dalam penyusunan semula hutang, syarat ekuiti dikecualikan semasa transaksi dibuat dan dikaji semula selepas tiga tahun.

Sementara itu syarat ekuiti Bumiputera akan dikaji semula bagi syarikat awam yang disenaraikan dan telah memenuhi syarat pegangan ekuiti Bumiputera tetapi pemegang ekuiti Bumiputera telah menjual pegangan mereka.

Kajian semula atas syarat ekuiti ini dibuat berdasarkan prestasi syarikat tersebut selepas tiga tahun disenaraikan, sekiranya syarikat tersebut terlibat dengan sesuatu transaksi.

Dari segi perolehan hartanah, kepentingan asing dibenar memperolehi hartanah berharga lebih daripada RM150,000 seunit.

Bagi perolehan melebihi RM100 juta, syarikat boleh memohon pengecualian daripada garis panduan FIC, tertakluk kepada kelulusan Menteri Kewangan dan mengikut kes demi kes.

Kelonggaran ini diberi bagi permohonan yang diterima sebelum Mei 31, 2004, menurut pakej tersebut.-- BERNAMA

SHO OS